

PENUTUPAN SEMENTARA LORONG KECEMASAN DAN SMART LANE DARI TAPAH KE BIDOR BAGI KERJA MENAIK TARAF PENGHADANG JAMBATAN

Petaling Jaya, 21 Ogos 2026:- Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf penghadang jambatan melibatkan laluan antara Tapah ke Bidor di KM329.4 (Arah Selatan), di Lebuhraya Utara-Selatan.

Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan ketika pelaksanaan kerja-kerja naik taraf tersebut, PLUS akan menutup sementara lorong kecemasan di KM329.0 hingga KM329.6 (Arah Selatan) dan lorong Smart Lane di KM327.0 hingga KM331.2 (Arah Selatan). Penutupan ini dijadualkan bermula 21 Ogos sehingga 1 November 2026. Semasa kerja-kerja dijalankan, dua lorong kanan dan kiri di laluan terbabit dibuka dan beroperasi seperti biasa kepada pengguna lebuhraya.

Bagi memastikan kelancaran pergerakan trafik sepanjang tempoh kerja dilaksanakan, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya mematuhi papan tanda keselamatan, arahan petugas serta had laju yang ditetapkan ketika melalui kawasan kerja. Pengguna lebuhraya juga disarankan untuk merancang perjalanan mereka dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya – PUTRI, X @plustrafik serta paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih.

Untuk mendapatkan bantuan, pengguna boleh menghubungi PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan. PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini dijalankan demi keselamatan, keselesaan dan kemudahan bersama.

-TAMAT-


PERTANYAAN MEDIA:

Nadirah Hani Rodzi Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Rofina Adam Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---

PENUTUPAN SEMENTARA LORONG KECEMASAN DAN SMART LANE

LALUAN TAPAH KE BIDOR BAGI KERJA MENAIK TARAF PENGHADANG
JAMBATAN DI KM329.4 (ARAH SELATAN)
DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

Dijadualkan pada 21 Ogos 2026 hingga 1 November 2026



Petunjuk:

- Kawasan kerja dan penutupan
- Penghadang jalan plastik
- Arah aliran kenderaan

Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my PLUSLine 1800-88-0000 Aplikasi PLUS

PLUS
Ahli Kumpulan UEM